



**PENGIKLANAN JAWATAN KOSONG DI LUAR BIDANG KUASA
SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM**

PERATURAN 7 (a) LUAR BIDANG

**IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI DAN PEGAWAI-PEGAWAI DAN KAKITANGAN
YANG SEDANG BERKHIDMAT DENGAN PERKHIDMATAN AWAM NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**REKRUT KONSTABEL POLIS LELAKI
PASUKAN POLIS SIMPANAN 'C' KOMPENI (POLIS HUTAN) (PD.1)
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**TARIKH IKLAN: 13 JUN 2026
TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 27 JUN 2026
BILANGAN IKLAN: 2026/JUN/05/JPM**

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Pasukan Polis Diraja Brunei seperti berikut:

ALAMAT : UNIT PENGAMBILAN,
PUSAT LATIHAN POLIS,
NO. D.4, BLOK D,
FLAT SPO PUSAT LATIHAN POLIS, GADONG,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

EMEL : pengambilan.ppdb@police.gov.bn

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon hendaklah terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.
- (D) Bagi pemohon yang terdiri dari Pegawai-Pegawai Kerajaan hendaklah mempunyai tahap penilaian prestasi sekurang-kurangnya **SANGAT BAIK** bagi tempoh tiga (03) tahun kebelakangan.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian/Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.
- (B) Hanya pemohon yang memenuhi syarat **KELAYAKAN MINIMUM** akan dipanggil Ujian dan / atau dipanggil Temu duga.



**REKRUT KONSTABEL POLIS LELAKI PASUKAN POLIS SIMPANAN 'C'
KOMPENI (POLIS HUTAN)
PASUKAN POLIS DIRAJA BRUNEI
JABATAN PERDANA MENTERI
(PD.1) (\$580 SEBULAN)**

KELAYAKAN MINIMUM:

2 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei-Cambridge Peringkat biasa atau sebanding dan Lulus mata pelajaran Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Mempunyai kelulusan Kredit 'A' Level atau *National Diploma* atau Kredit lebih tinggi 2 'O' Level adalah satu kelebihan.

KELAYAKAN FIZIKAL:

- a) Umur - Hendaklah berumur 18 tahun ke atas dan tidak melebihi 28 tahun.
- b) Tinggi dan berat badan - Sekurang-kurang 5'4" (1.63m) Body Mass Index (BMI) 19 hingga 28.
- c) Tidak buta warna (colour blind).

UJIAN:

Mesti Lulus Ujian Ketahanan Jasmani, Ujian Bertulis, Pemeriksaan Kesihatan dan Tapisan Keselamatan.

LATIHAN:

Permohonan yang berjaya akan menjalankan Latihan Asas Kepolisan tidak kurang (06) bulan di Pusat Latihan Polis tertakluk kepada perubahan.

GAJI / TANGGA GAJI:

Diberi gaji sebanyak \$580 + Elaun Sara Hidup \$170.00 + Elaun Catuan Harian \$10.00 sebulan semasa latihan dalam tangga gaji PD.1. Selepas latihan, calon-calon diberi gaji sebanyak \$625 sebulan dalam tangga gaji PD.2 \$625 beserta dengan elaun-elaun tertentu.



TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Sebagai rekrut di Pusat Latihan Polis dan mematuhi arahan-arahan daripada Komandan Pusat Latihan Polis semasa menjalani latihan rekrut.